

Kerelevanan Asmaul Husna Terhadap Pembentukan Peribadi Muslim

BITARAVolume 3, Issue 2, 2020: 020-027
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Relevancy Asmaul Husna toward Muslim Personal Formation]

Nur Fariah Mohd Saaid¹ & Khazri Osman¹

Abstrak

Kefahaman tentang Asmaul Husna sangat penting dalam Islam kerana dituntut dalam agama supaya mengetahui dan memahami nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT. Malah, setiap ibadat yang dituntut dalam agama pasti mempunyai hikmah kepada seseorang agar dapat membentuk peribadi Muslim yang beriman dan bertaqwa. Namun, kehebatan peribadi yang sepatutnya terhasil daripada amalan ibadat yang dilakukan hilang terbiar disebabkan kurang kefahaman dan penghayatan terhadap ibadat-ibadat yang dilakukan. Realitinya ramai yang tidak mengetahui asas ibadat yang dilakukan dan menyebabkan pembangunan yang tidak seimbang antara rohani dan tatasusila dalam kehidupan peribadi Muslim. Penulisan ini bertujuan untuk menjelaskan tentang kerelevanan Asmaul Husna terhadap pembentukan peribadi Muslim. Metodologi yang digunakan dalam penulisan ini adalah analisis kandungan yang difokuskan tentang Asmaul Husna dalam pembentukan peribadi Muslim. Penulisan ini merumuskan bahawa penghayatan terhadap Asmaul Husna yang benar akan membantu seorang Muslim untuk menjadi hamba Allah SWT yang meyakini tentang sifat-sifat-Nya dan mentadabbur ilmu ini dengan keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT supaya dapat membentuk peribadi Muslim yang hebat.

Kata kunci:

Kerelevanan, Asmaul Husna, Pembentukan Peribadi

Abstract

Understanding Asmaul Husna is very important in Islam as it is required in religion to know and understand the names and attributes of Allah Almighty. In fact, every worship that is demanded in a religion must have the wisdom of a person in order to form a believer and a devout Muslim. However, the personal power that should be derived from the practice of worship is lost due to lack of understanding and appreciation of the worship performed. The reality is that many do not know the basis of worship performed and cause a spiritual and moral imbalance in Muslim personal life. This article aims to explain Asmaul Husna's relevance to Muslim personal formation. The methodology used in this article is an analysis of the content focused on Asmaul Husna in Muslim personal formation. This paper concludes that appreciation of the true Asmaul Husna will help a Muslim to be a servant of Allah SWT who believes in his attributes and develops this knowledge with high confidence in Allah SWT to form a great Muslim personality.

Keywords:

Relevancy, Asmaul Husna, the Personal Formation

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

KHAZRI OSMAN, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA. E-mail: khazri@ukm.edu.my

Cite This Article:

Nur Fariyah Mohd Saaid & Khazri Osman. 2020. Kerelevanan Asmaul Husna terhadap pembentukan peribadi Muslim. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 20-27.

Pengenalan

Allah SWT ialah nama zat Tuhan yang Maha Suci yang merangkumi segala sifat-sifat ketuhanan dan sifat-sifat rububiyah yang tunggal. Berakhlak dengan sifat-sifat Allah SWT bukanlah bererti menyerupai sifat-sifat Allah SWT, ini kerana pada dasarnya tiada siapa pun dapat menyerupai sifat-sifat Allah SWT yang hakiki. Namun, sebagai hamba-Nya dimuka bumi ini perlu berusaha menghiasi diri kita dengan makna sifat-sifat Allah SWT yang Maha Mulia itu (Hasbi Yaacob 1989). Menurut Imam al-Ghazali (2003) menyatakan bahawa kesempurnaan dan kebahagiaan seseorang adalah terletak pada usahanya berakhlak dengan sifat-sifat dan nama-nama Allah SWT.

Pembentukan peribadi Muslim merupakan pembangunan modal insan yang unggul dan dimiliki oleh manusia menerusi penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran yang tinggi dan menerusi penghiasan diri dengan akhlak yang mulia. Apabila aspek-aspek ini berjaya dibangunkan, manusia akan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya berdasarkan ajaran yang disampaikan melalui utusan Allah SWT (Abd Rahman 2006).

Oleh itu, kefahaman tentang Asmaul Husna sangat penting supaya masyarakat sedar betapa besarnya kehebatan berzikir dengan Asmaul Husna dan dapat dipraktikkan dalam kehidupan seorang Islam melalui penghayatan dalam jiwa. Asmaul Husna juga dapat disimpulkan bahawa kepentingan mengenali dan menghayati Asmaul Husna dalam Islam merupakan aspek penting dalam pembangunan insan bertaqwa.

Konsep Asmaul Husna

Asmaul Husna, perkataan *asmā'* merupakan perkataan *jama'* kepada *ism* yang berasal daripada perkataan *samā'* yang bermaksud tinggi. Perkataan *ism* bermaksud sesuatu yang dikenali dengan sesuatu yang lain atau menggunakan dalil tertentu bagi menunjukkan kepadanya. Perkataan *al-husnā* yang merupakan perkataan *mu'annath* bagi perkataan *al-ahsan* bermaksud sangat baik. Maka, Asmaul Husna bermaksud nama-nama Allah SWT yang sangat baik (Al-Mu'jam al-Wasī 2005). Jumlah Asmaul Husna sangat banyak dan hanya diketahui oleh Allah SWT.

Menurut al-Ghazali, terdapat tiga peringkat kefahaman Asmaul Husna, peringkat pertama ialah mencapai *al-ma'rifah* tentang makna nama-nama Allah SWT yang indah. Peringkat kedua ialah merasai keagungan (*al-isti'azam*) dari apa yang mampu dicapai makrifah tentangnya pada peringkat pertama sehingga memberi keinginan yang kuat. Peringkat ketiga pula ialah berusaha sekadar termampu untuk mencapai sifat-sifat Allah SWT dengan cara berakhlak dengannya (*al-takhalluq*) dan menghiasi diri mereka dengan nilai kebaikan yang terkandung dalam sifat-sifat tersebut (*al-tahalli*) (al-Ghazali 2008).

Penghayatan Asmaul Husna itu secara ringkasnya bermaksud memahami atau menghayati setiap nama-nama Allah SWT dan dipraktikkan ke dalam kehidupan harian. Oleh

itu, Asmaul Husna tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan seharian. Penghayatan Asmaul Husna bukan sekadar kalimat yang digunakan untuk dibaca sahaja, tetapi hendaklah difahami, dihayati dan diamalkan dalam membentuk peribadi Muslim yang sempurna serta sentiasa dekat dengan Maha Pencipta.

Asmaul Husna Berdasarkan Al-Quran

Penguat iman yang paling besar adalah mengenal Asmaul Husna berdasarkan daripada al-Quran dan al-Sunnah, serta bersungguh-sungguh memahami maknanya dalam beribadah kepada Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا وَذُرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: “Hanya milik Allah SWT Asmaul Husna, maka bermohonlah kepada-Nya dengan menyebut Asmaul Husna itu dan tinggalkanlah orang yang menyimpang dari kebenaran dalam menyebut nama-nama-Nya. Mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan.” (Surah Al-A’raaf 7: 180)

Orang yang menyimpang dalam ayat ini ialah golongan yang menyebut nama *al-lata* dalam asma-asma Allah SWT. Di samping itu, Ibnu Juraij telah meriwayatkan daripada Mujahid berhubung makna firman Allah SWT yang dimaksudkan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang dari kebenaran dalam menyebut nama-nama-Nya, mereka mengatakan *al-lata* dari lafaz Allah SWT dan *al-uzza* dari lafaz *al-‘aziz* (salah satu asma Allah SWT). Qatadah mengatakan bahawa makna *yulhidu* ialah mempersekutukan asma-Nya dengan nama-nama lain (Ibn Katsir 2008).

Asmaul Husna merupakan sumber dan bahan yang paling besar untuk menggapai iman serta kekuatan dan keteguhannya. Dalam mengenal Asmaul Husna, harus melalui tiga tahapan iaitu pertama, menghafal lafaz dan jumlahnya. Kedua, memahami maknanya dan ketiga, berdoa kepada Allah SWT yang bersifat memuji serta ibadah. Itu adalah dasar iman dan iman itu kembali kepadanya kerana mengenal Allah SWT yang meliputi tiga aspek tauhid iaitu tauhid Rububiyah, tauhid Uluhiyyah, tauhid Asma’ dan sifat. Apabila seseorang bertambah makrifatnya dengan nama-nama Allah SWT dan sifat-Nya, nescaya imannya bertambah dan keyakinannya kuat (Qahtani 2005).

Sa’id Ali Wahf al-Qahtani (2005) menjelaskan tentang Asmaul Husna dan menyebutkan dalil bagi setiap nama bersumberkan al-Quran dan sunnah. Beliau memilih dari semua asma’ ini dan menjelaskan dengan ringkas kecuali pada sebahagian nama, beliau memperincikannya kerana keadaan mengharuskan demikian. Beliau juga menukil *syarh* asma’ ini daripada sumber-sumber yang muktabar, khususnya bagi para ahli *tahqiq* seperti Ibnu Taimiyyah dan muridnya, Ibnu Qayyim dan Abdurrahman Nasir As-Sa’di. Perbahasan Asmaul Husna dibahagikan seperti berikut:

- a. Asma' Allah SWT bersifat *tauqifiyyah*: *Tauqifiyyah* yang bermaksud akal tidak turut serta dalam penentuannya. Oleh itu, kita wajib mengikuti apa yang telah diterangkan dalam al-Quran dan al-Sunnah tanpa menambah atau mengurangkannya.
- b. Rukun beriman dengan Asmaul Husna: Rukun beriman dengan Asmaul Husna yang pertama adalah beriman dengan nama tersebut. Kedua, beriman dengan makna yang ditunjukkan oleh nama tersebut dan ketiga, beriman dengan segala pengaruh yang berhubungan dengan nama tersebut.
- c. Pembahagian sifat Allah SWT: Ibnu Qayyim mengatakan bahawa sifat dan khabar yang berlaku bagi Allah SWT ada beberapa bahagian iaitu pertama sifat yang kembali kepada zat itu sendiri seperti zat *Maujud* (ada) dan *Syai'* (sesuatu). Kedua, yang kembali kepada sifat maknawi seperti *al-Aliim* (Yang Maha Mengetahui), *al-Qadiir* (Yang Maha Kuasa) dan *as-Samii'* (Yang Maha Mendengar). Ketiga, yang kembali kepada *af al-Nya* (perbuatan-Nya) seperti *al-Khaaliq* (Yang Maha Pencipta) dan *ar-Razaaq* (Yang Maha Pemberi Rezeki).
Seterusnya, keempat ialah yang kembali kepada penyucian semata kerana menafikan saja tidak menunjukkan kesempurnaan dari sesuatu seperti *al-Qudduus* (Yang Maha Suci) dan *al-Salaam* (Yang Maha Sejahtera). Kelima, yang tidak banyak disebut oleh kebanyakan orang iaitu nama yang menunjukkan sejumlah sifat-sifat yang banyak, tidak dikhususkan untuk satu sifat tertentu tetapi menunjukkan atas maknanya, bukan atas makna yang tunggal (satu). Misalnya, *al-Majiid* (Yang Maha Terpuji), *al-Azhiim* (Yang Maha Besar) dan *as-Shamad* (bergantung seluruh makhluk kepada-Nya). Terakhir adalah sifat yang disebutkan secara beriringan salah satu dari dua nama atau dua sifat dengan yang lain.
- d. *Dilaalah* (isyarat makna) Asmaul Husna
 - i. *Dilaalah muthaabaqah* (adekusi), ketika ditafsirkan nama dengan seluruh makna yang ditunjukkan oleh nama tersebut.
 - ii. *Dilaalah tadhammadun* (inklusi), ketika ditafsirkan nama tersebut dengan sebahagian makna yang ditunjukkan oleh nama itu.
 - iii. *Dilaalah iltizaam* (konsekuensi), ketika ditunjukkan kaitan dengan Asma' (nama-nama) yang lain.
- e. *Ihshaa'* (menghafal) Asmaul Husna: Menghafal Asmaul Husna dan memahaminya merupakan dasar untuk mengetahui segala maklumat. Maka sesungguhnya seluruh yang diketahui selain-Nya boleh berupa ciptaan-Nya atau perintah-Nya. Boleh jadi hal itu adalah pengetahuan tentang sesuatu yang telah diciptakan-Nya atau yang disyari'atkan-Nya. Sumber dari ciptaan dan perintah berasal dari asma'-Nya Yang Maha Indah. Semua perbuatan-Nya tidak keluar dari keadilan, hikmah, mashlahat dan rahmat (kasih sayang) kerana sumbernya adalah asma'-Nya Yang Maha Indah. Maka tidak ada perbezaan pada makhluk-makhluk-Nya dan tiada yang sia-sia.
- f. Asmaul Husna tidak dibatasi dengan bilangan: Asmaul husna tidak terhitung dan tidak dibatasi dengan bilangan. Sesungguhnya Allah SWT memiliki asma' dan sifat yang hanya Dia sendiri yang mengetahui dalam ilmu ghaib yang ada di sisi-Nya, malaikat yang dekat dan nabi yang diutus tidak ada yang mengetahuinya (Qahtani 2005).

Oleh itu, seorang Mukmin harus memberikan segenap kemampuannya dalam mengenal nama-nama Allah SWT dan sifatNya tanpa adanya *ta'thil* (pengingkaran seluruh atau sebahagian sifat dari zat Allah SWT), *tamsil* (penyerupaan), *tahrif* (merubah lafaz atau memalingkan makna sebenarnya) dan *takyif* (mempertanyakan bagaimana).

Kerelevanan Asmaul Husna Terhadap Pembentukan Peribadi Muslim

Kepentingan penghayatan al-Quran dan fardu ain sangat penting dalam pembentukan akhlak yang baik, begitu juga penghayatan Asmaul Husna dalam kehidupan. Asmaul Husna merupakan nama-nama Allah SWT yang mempunyai rahsia dan kehebatannya. Sesiapa yang mengamalkan dan menghayati maksud nama-nama tersebut mampu menjadi seorang yang beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT. Penerapan tentang Asmaul Husna juga memainkan peranan penting untuk membentuk individu memahami dan mempraktikkan dalam kehidupan seharian. Manusia sememangnya perlu di didik untuk berusaha mengenal Allah SWT dengan sebenar-benar ikhlas dan merasai kehadiran Allah SWT yang dekat dengan kita pada setiap saat kehidupan.

Tahap pengetahuan dan penghayatan fardu ain kini amat pudar dalam masyarakat. Realitinya ramai yang tidak mengetahui asas akidah dan asas ibadah termasuk mendirikan solat, tidak berpuasa tanpa takut dan tidak malu melakukan maksiat dan kemungkaran, tetapi malu untuk melakukan kebaikan, ibu bapa dan keluarga juga tidak dihormati, masjid dijauhkan serta pelbagai jenis kemungkaran didekati dengan mudah. Gejala seperti ini adalah natijah daripada pembangunan yang tidak seimbang serta sepadu antara pembangunan kerohanian dan tatasusila dalam kehidupan manusiawi dengan kegiatan sains dan teknologi serta tidak menjadikan agama sebagai pedoman untuk memandu kehidupan mereka dalam kehidupan moden kini (Mohd Huzairi 2017).

Sepertimana al-Quran mempunyai perkaitan dengan pembentukan sahsiah umat Islam. Malah, akhlak dan moral dilihat sebagai kunci kepada pembangunan rohani umat Islam. Interaksi terhadap al-Quran perlu difahami dan dihayati oleh umat Islam yang mempunyai banyak peringkat dan tahap. Interaksi-interaksi tersebut merangkumi beriman, membaca, menghafal, mendengar, mempelajari, tadabbur, menghayati serta mempertahankan al-Quran dari sebarang penyelewengan. Walaupun kebanyakan umat Islam membaca al-Quran, tetapi mereka tidak memahami dan menghayati isi kandungan al-Quran yang dibaca (Hasnan Kasan, Mohd Fadzil 2017).

Berdasarkan isu-isu yang dibincangkan, penghayatan ilmu dalam Islam sangat penting dalam usaha mendidik dan membentuk peribadi Muslim. Allah SWT memiliki nama-nama indah yang dikenali *al-Asma' al-Husna*. Penghayatan terhadap nama-nama ini mampu memberi natijah yang sangat baik kepada kehidupan manusia. Ini kerana kefahaman terhadap nama-nama Allah SWT yang indah ini dan pengaruh penghayatannya dalam mencorak kehidupan manusia adalah amat penting, apatah lagi apabila kefahaman ini dikaitkan dengan isu pembangunan modal insan (Fauzi Hamat 2011). Apabila manusia mampu mencontohi sifat-sifat Allah SWT, tentunya akan dapat menghiasi diri mereka dengan perilaku yang terpuji.

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (2011) bahawa mereka yang berjaya mengumpul, mengahafal dan berdo'a kepada Allah SWT dengan menyebut nama-nama tersebut akan mendapat keistimewaan tertentu setelah beriman dan beramal dengan tuntutan yang tersirat

disebalik nama tersebut. Individu yang berjaya mencapai tahap penghayatan ini diyakini mampu menjadi modal insan yang sempurna. Mengenali Allah SWT melalui kajian kefahaman terhadap nama-Nya yang indah mampu mencetuskan keinginan untuk menghiiasi diri dengan akhlak Allah SWT. Pembentukan peribadi Muslim merupakan kunci utama kepada pencapaian pembangunan modal insan yang sempurna dalam masyarakat manusia kerana telah berorientasikan akidah Islam seperti yang dirusmuskan oleh para ulama.

Allah SWT hanya dapat dikenali melalui nama dan sifat-Nya, memerhati tanda-tanda kekuasaan-Nya dilangit dan bumi, penciptaan roh dan jasad serta menyelidik segala keajaiban yang wujud dalam alam ini (al-Ghazālī 2003). Oleh itu, seseorang itu boleh mengetahui keagungan dan kebesaran Allah SWT apabila menghayati dan menyelidik secara terperinci tanda kebesaran seperti yang terkandung dalam Asmaul Husna. Penghayatan terhadap Asmaul Husna akan melengkapkan kepercayaan terhadap tauhid dan rukun Islam serta turut menyempurnakan pelaksanaan rukun Islam. Penghayatan ini juga akan membawa manusia kearah pencapaian kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat (Fauzi Hamat 2011).

Penghayatan terhadap Asmaul Husna yang sempurna akan memudahkan manusia membangunkan potensi dirinya untuk menjadi insan soleh yang sentiasa menghiaskan dirinya dengan akhlak Allah SWT. Apabila seseorang Muslim berakhlak dengan akhlak Allah SWT dengan penuh kefahaman terhadap Asmaul Husna yang mendorong penghayatannya akan menjadi insan beriman yang berjaya dan menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan mereka (Fauzi Hamat 2011). Dengan itu, mereka dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi ini dengan baik. Segala keperluan yang dituntut oleh manusia sesuai dengan kehendak semula jadi dan fitrah yang dipenuhi Islam (Ismail Raji al-Faruqi 2000).

Asmaul Husna juga merupakan sumber bagi hukum-hukum dan peraturan yang menyusun tingkah laku dan akhlak manusia kerana dalam Asmaul Husna terkandung nilai-nilai akidah dan hukum. Asmaul Husna mengajak supaya mentauhidkan Allah SWT, bertaqwa kepada-Nya dan bersangka baik terhadap-Nya. Malah, Asmaul Husna mengajak manusia berfikir dan berilmu kerana salah satu nama Allah SWT adalah *ilm*, yang bererti memiliki keluasan ilmu yang tidak bertepi dan tidak terkawal (Abdul Aziz 2010). Aqidah yang terhimpun dalam Asmaul Husna, iaitu nama-nama Allah SWT yang mengandungi nilai-nilai aqidah yang tinggi menjadikan orang beriman sentiasa bergantung harap kepada Allah SWT dan tidak bergantung kepada yang lain.

Setiap hamba-Nya yang mengetahui nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT maka dia akan mengetahui bahawa Allah SWT adalah pencipta (*Al-Khaliq*) dan dia mengetahui bahawa segala sesuatu di muka bumi ini adalah dibawah ciptaan-Nya. Sesiapa yang mengetahui bahawa Allah SWT adalah memberi rezeki (*Ar-Razzaq*) maka dia akan mengetahui bahawa tiada di bumi ini melainkan Allah yang menolongnya dan memberi rezeki. Sesiapa yang mengetahui bahawa Allah SWT adalah raja (*Al-Maliq*) maka dia akan mengetahui bahawa segala sesuatu adalah dibawah milik Allah SWT sepenuhnya (Saad al-Hamid 2017). Oleh itu, nama-nama Allah SWT ini merupakan nilai agung yang membentuk akhlak murni dan jiwa yang luhur dalam kehidupan orang beriman.

Islam juga memuliakan mereka yang berjaya menjadi insan yang bertakwa, ikhlas beribadah dan mentaati Allah SWT. Setiap Muslim yang mencapai ke tahap itu sudah pasti akan menikmati kehidupan yang berjaya. Pembangunan modal insan dalam Islam ini sangat mementingkan pembangunan yang seimbang dengan tujuan untuk mendapat kebahagiaan

hidup di dunia dan akhirat (al-Ghazali 1987). Begitu juga keterangan berkenaan akhlak mulia dalam al-Quran, bukan sahaja untuk difahami dan dihayati tetapi juga untuk dilaksanakan supaya dapat membentuk peribadi Muslim yang unggul.

Oleh yang demikian, tujuan hidup manusia di dunia ini adalah untuk beribadah kepada Allah SWT dan setiap tindak tanduk serta kelakuannya adalah untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT melalui penghayatan ibadahnya. Seorang Mukmin yang terhasil daripada penghayatan dan pengamalan Asmaul Husna menjadikan seorang itu berhati lembut kerana keyakinannya bahawa ia adalah hamba kepada Allah SWT (Abdul Aziz 2010). Segala perbuatannya akan dinilai dan dihitung serta diberikan balasan dengan adil dan saksama. Tujuannya adalah tidak semata-mata untuk mendapatkan habuan dan ganjaran di dunia, tetapi juga di akhirat.

Kesimpulan

Kita sebagai hamba Allah SWT yang taat dan patuh perlu sentiasa mengamalkan sifat-sifat Allah SWT yang terkandung dalam nama-nama Allah SWT dalam kehidupan sehari-hari. Penghayatan Asmaul Husna sangat penting dalam memberi kesan pada pembentukan sahsiah diri seorang Muslim dari aspek akidah, ibadah dan akhlak. Oleh itu, penghayatan agama seperti alunan zikir Asmaul Husna sangat memberi impak pada kelakuan seorang Muslim. Muslim yang menghayati dan mentadabbur zikir nama-nama Allah SWT pasti akan meresap maknanya ke dalam hati dan membentuk akhlak yang baik serta sentiasa patuh pada perintah Allah SWT.

Rujukan

Al-Quran

- Abd Rahman. (2006). *Pembangunan Modal Insan, Apa Dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi Di Malaysia*. Langga: Human Resource Academy.
- Abdul Aziz. (2010). *99 Nama Allah (Asmaul Husna)*. Rawang, Selangor: Pustaka Ilmuwan.
- Al-Ghazali. (1987). *Khuluq Al-Muslim*. Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Al-Ghazālī. (2003). *Al-Maqṣad as-Asnā Fī Sharḥ Asmā' Allāh Al-Ḥusnā*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (2008). *Al-Maqṣad Al-Asna*. Kaherah: Dar al-Muqṭim.
- Al-Mu'jam al-Wasīṭ, M. Quraish Shihab. (2005). *Menyingkap Tabir Ilahi Asma Al Husna Dalam Perspektif Al-Qur'an*. Jakarta: Lentera Hati.
- Fauzi Hamat, Hasrul Shuhari. (2011). *Asma' Al-Husna*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hasbi Yaacob. (1989). *Asma' Allah Al-Husna*. Kota Bharu, Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Hasnan Kasan, Mohd Fadzhil, Siti Sarah, Umar Faruk. (2017). Faktor interaksi dengan al-quran dalam proses penghayatan kehidupan beragama pelajar-pelajar ukm. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad Ibn 'Ali Hajar. (2011). *Fath Al-Bari Li Ibn Hajar, Kitab Al-Tawhid, Bab Inna Li Allah Mi'ah Ism Illa Wahida*. Edisi kedua.

- Ibnu Katsir. (2008). *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*. Ahmad Saikhu (terj.). Jilid 3. Bogor: Pustaka Ibnu Katsir.
- Isma'il Raji al-Faruqi. (2000). *Al-Tawhid Kesannya Terhadap Pemikiran dan Kehidupan*. Petaling Jaya: International Institute of Islamic Thought.
- Mohd Huzairi. (2017). *Penghayatan fardhu ain remaja pekak di malaysia*. Universiti Malaya.
- Saad al-Hamid. (2017). *Kepentingan Mengetahui Nama dan Sifat Allah yang Indah*. Alukah .
<https://www.alukah.net/sharia/0/114103/#ixzz6FaWLwPPR>.
- Said Ali Wahf al-Qahthani. (2005). *Syarah Asma'-Ul Husna*. Abu Fatimah Muhammad (terj.). Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.